

SOAL JAWAB TENTANG SISTEM eVETTING

1. Apakah paparan terbaik untuk menggunakan Sistem eVetting 2.0?

Bagi mendapatkan paparan terbaik, s i l a gunakan browser jenis Mozilla Firefox 3.0, Google Chrome ataupun Internet Explorer 10.0 ke atas.

2. Apa yang perlu saya buat sekiranya 'Pendaftaran anda telah berjaya dan k a t a laluan telah dihantar ke emel anda'. Namun apabila saya buka emel dan mendapati 'Pendaftaran anda GAGAL'?

Sekiranya anda menerima emel "GAGAL" maka anda perlu menunggu dua (2) jam dan mengulangi langkah pendaftaran semula sehingga anda berjaya mendapat kata laluan. Sila pastikan ejaan nama anda sama seperti yang dipaparkan dalam kad pengenalan anda.

3. Apakah yang patut saya lakukan jika s a y a terlupa kata laluan akaun e-Vetting saya?

Anda boleh mendapatkan kembali kata laluan dengan klik "Lupa Kata Laluan" di paparan log masuk utama. Sebait sahaja anda menghantar maklumat yang diminta, kata laluan anda akan dihantar ke alamat emel yang diberikan.

4. Bagaimana untuk mendapatkan keputusan tapisan keselamatan halus/kasar?

Keputusan tapisan keselamatan halus/kasar boleh dicetak sendiri oleh anda melalui akaun e-Vetting anda ataupun Pengesah Jabatan (HOD) anda.

SOAL JAWAB TENTANG SISTEM eVETTING

5. Apakah yang perlu dilakukan sekiranya akaun telah dikunci?

Anda perlu menghubungi talian hotline Bahagian Tapisan untuk aktifkan semula akaun dan kata laluan yang baharu melalui emel dalam tempoh 24 jam.

6. Bagaimana cara untuk memilih borang yang sesuai untuk saya isi?

Anda perlu memilih borang mengikut s u r a t perantukan jawatan anda terima dahulu. Sekiranya tidak pasti boleh menghubungi talian hotline Bahagian Tapisan untuk meminta kepastian.

7. Bagaimana untuk menyemak status permohonan saya?

Anda boleh semak kembali status permohonan dengan klik pada butang 'Pertanyaan Status' dan dengan klik butang 'Cari' untuk melihat status semasa permohonan anda.

8. Adakah semua pemohon perlu hadir temuduga?

Tidak semua permohonan akan dipanggil untuk menghadiri temuduga. Hanya permohonan daripada tapisan halus sahaja yang akan dipanggil untuk menghadiri temuduga.

9. Bagaimana untuk mengetahui permohonan saya telah selesai dan keputusan telah dikeluarkan?

Anda akan mendapat pengumuman selesai melalui emel.



JABATAN
PENDIDIKAN
NEGERI SABAH



UNIT PERKHIDMATAN
SKPP,
JPN SABAH

TAHUKAH ANDA
TENTANG TAPISAN
KESELAMATAN?

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN
6 TAHUN 2011

PINDAAN PELAKSANAAN TAPISAN KE-
SELAMATAN BAGI PEGAWAI
YANG DILANTIK DALAM PERKHIDMA-
TAN AWAM

Melalui Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6/2011 Kerajaan telah memutuskan pegawai yang dilantik ke Perkhidmatan Awam dikehendaki menjalani dan lulus tapisan keselamatan sama ada sebelum disahkan dalam perkhidmatan atau setelah disahkan dalam perkhidmatan.

Telefon : 088-513447 / 513460 /
319745 / 513438 / 318741
Fax : 088-258441

MAKSUD TAPISAN KESELAMATAN

“Tapisan Keselamatan” bermaksud proses memeriksa latar belakang pegawai oleh Pejabat Kena Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia bagi memastikan pegawai yang dilantik ke perkhidmatan awam bebas dan bersih daripada anasir subversif, espionaj dan sabotaj. Proses ini mengandungi dua jenis iaitu *Kasar dan Halus*:

- (a) *Tapisan Keselamatan Kasar* ialah proses yang asas digunakan bagi menapis pegawai awam yang dikehendaki melihat perkara-perkara ter peringkat setakat peringkat Sulit; dan
- (b) *Tapisan Keselamatan Halus* ialah proses yang teliti digunakan bagi menapis pegawai awam yang sentiasa dikehendaki melihat perkara ter peringkat *Rahsia* atau *Rahsia Besar*.

SIAPA YANG PERLU MEMOHON ?

“pegawai” bermaksud pegawai yang dilantik ke perkhidmatan awam dalam jawatan Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Kumpulan Sokongan yang menetapkan syarat kelayakan masuk minimum di peringkat Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) dan Diploma atau ke-layakan yang setaraf dan mana-mana pegawai yang disyaratkan untuk menjalan tapisan keselamatan

BAGAIMANA CARA MEMOHON?

Permohonan Tapisan Keselamatan digalakkan dibuat secara On-line (E-Vetting)

www.cgso.gov.my

TEL : 03-88726066 / 03-88726034

BILAKAH PERLU MEMOHON?

Ketua Jabatan hendaklah memastikan pegawai mengemukakan maklumat tapisan keselamatan dalam tempoh 30 hari mulai tarikh melaporkan diri bertugas serta menjalani dan lulus tapisan keselamatan sebaik-baiknya sebelum disahkan dalam perkhidmatan.

Bagi pegawai yang telah disahkan dalam perkhidmatan tetapi belum menjalani tapisan keselamatan, pegawai hendaklah menjalani dan lulus tapisan keselamatan dalam tempoh satu tahun mulai tarikh pegawai disahkan dalam perkhidmatan.

IMPLIKASI JIKA GAGAL TAPISAN KESELAMATAN

Gagal Tapisan Keselamatan Boleh Ditamakan Perkhidmatan

Peraturan 49(1) P.U.(A)1/2012

Pegawai dalam tempoh percubaan @ tempoh percubaan dilanjutkan

Peraturan 49(2) P.U.(A)1/2012

Pegawai yang telah disahkan dalam perkhidmatan